

## JANGAN TANAM PADI MUSIM PERTAMA: MAHATHIR

1978

ALOR SETAR, 16 JAN (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARA PETANI DI KAWASAN MADA SUPAYA MEMATUHI ARAHAN JANGAN MENANAM PADI DI MUSIM PERTAMA TAHUN INI YANG NERMULA BULAN DEPAN.

BELIAU MENEKANKAN BAHWA ARAHAN KERAJAAN SUPAYA PARA PETANI MEMBATALKAN TANAMAN PADI DALAM MUSIM TERSEBUT ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGELAKAN MEREKA DARIPADA MENGALAMI PENDERITAAAN YANG MELARAT.

BELIAU YAKIN KALAU MEREKA PATUH KEPADA ARAHAN KERAJAAN DAN SANGGUP PULA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS YANG DIATURKAN OLEH KERAJAAN SEUPAYA DAPAT MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA, MASALAH YANG DIHADAPI SEKARANG AKAN DAPAT DIATASI.

SEBALIKNYA KALAU MEREKA ENGGAN MENGIKUT RANCANGAN-RANCANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH MADA DAN KERAJAAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI MAKA ADA KEMUNGKINAN KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA AKAN MENGALAMI LEBIH BANYAK KERUGIAN DI MASA-MASA AKAN DATANG. TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI KEADAAN KEMARAU DI KAWASAN PENGAIRAN MUDA YANG DIBERIKAN OLEH Pengerusi Mada, Datuk Syed Nahar Shahabudin di Bilik Gerakan Mada di Teluk Chengai, dekat Sini.

TURUT HADIR JALAH MENTERI BESAR PERLIS, DATUK HAJI JAAFAR HASSAN, AHLI EXCO NEGERI KEDAH ENCIK MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM YANG MEWAKILI MENTERI BESAR KEDAH SERTA PEMIMPIN-PEMIMPIN PERSATUAN PELADANG DALAM KAWASAN MADA DI KEDAH SERTA PEMIMPIN-PEMIMPIN PERSATUAN PELADANG DALAM KAWASAN MADA DI KEDAH DAN PERLIS.

SETERUSNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN WALAUPUN TANAMAN PADI AKAN DIBATALKAN TETAPI AIR AMPANGAN MUDA AKAN DILEPASKAN KEDALAM TALIAIR -TALIAIR DAN PARIT-PARIT UNTUK KEGUNAAN HARIAN OLEH PARA PETANI SEPERTI UNTUK MANDI DAN MINUM.

BELIAU MENEGASKAN TETAPI AIR TERSEBUT BUKANLAH UNTUK DIGUNAKAN OLEH PARA PETANI BAGI MENANAM PADI ATAUPUN LAIN-LAIN JENIS TANAMAN KERANA AIR ITU TIDAK MENCUKUPI.

AKIBATNYA BUKAN SAHAJA TANAMAN MEREKA AKAN ROSAK TETAPI BEKALAN AIR UNTUK KEGUNAAN HARIAN JUGA AKAN TERJEJAS. TAMBAHNYA.

APABILA PADI MEREKA ROSAK MAKA ORANG-ORANG YANG TERLIBAT AKAN MEMINTA GANTI RUGI PULA DARIPADA KERAJAAN DAN INI AKAN MENIMBULKAN BERBAGAI PERISTAWA DAN ANASIR-ANASIR ANTI NASIONAL AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMBURUK-BURUKAN KERAJAAN, KATANYA.

+MEMANG KEMUNGKINAN INI ADA DAN SEKARANG INI KITA PUN TAHU BAHWA RADIO KOMUNIS, UMPAMANYA, TELAH CUBA MEMBANGKITKAN MASALAH PERTANI-PETANI DALAM KAWASAN PENGAIRAN MUDA UNTUK MENIMBULKAN KEKELIRUAN DAN KACAU BILAU DALAM KAWASAN INI, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+DENGAN PENGISTIHARAN PEMBATALAN TANAMAN PADI MUSIM PERTAMA TAHUN INI SUDAH TENTU MEREKA AKAN MEMBUAT BERBAGAI KECAMAN TERHADAP KERAJAAN KENAPA RANCANGAN PENGAIRAN MUDA TIDAK BERJAYA DAN SEBAGAINYA.

+TETAPI SAYA YAKIN PETANI-PETANI DI SINI SEDAR TENTANG KENAPA KEPUTUSAN INI DIBUAT DAN SAYA TELAH MENERANGKAN KEPADA PARA PEMIMPIN PERSATUAN-PERSATUAN PELADANG TADI BETAPA PERLUNYA KITA MEMBATALKAN TANAMAN PADI DALAM MUSIM TERSEBUT. +

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI INI ADALAH DISEBABKAN KERANA AIR DALAM TAKUNGAN DI AMPANGAN MUDA DIKEHENDAKI BAGI KEGUNAAN UNTUK MUSIM YANG LAGI SATU.

66

MENGENAI CUKAIR AIR, BELIAU BERKATA— KERAJAAN PUSAT AKAN MENIMBANG UNTUK MEMBERI SUBSIDI SEBANYAK 50 PERATUS KEPADA PARA PETANI UNTUK TAHUN INI DAN SEKIRANYA ADA PARA PETANI YANG TELAH MEMBAYAR CUKAI TERSEBUT SEPARUH DARIPADA BAYARAN MEREKA AKAN DIKEMBALIKAN BALIK OLEH KERAJAAN.

JUMLAH KUTIPANCUKAI AIR DARI PETANI—PETANI DALAM KAWASAN PENGAIRAN MUDA DI KEDAH DAN PERLIS SETAHUN TALAH \$1.2 JUTA DAN INI BERMAKNA KERAJAAN PUSAT TERPAKSA MEMBERI SUBSIDI SEBANYAK \$600,000, KATANYA.

MENYENTUH TENTANG PERUNTUKAN GANTI RUGI SEBANYAK \$6.3 JUTA KEPADA PARA PETANI YANG DIUMUMKAN OLEH MEMTERI PERTANIAN, DATUK SHARIFF AHMAD, BELIAU BERKATA GANTI RUGI ITU AKAN DIBAYAR KEPADA SERAMAI 20,500 ORANG PETANI YANG MENYEWAKAN TANAH SAHAJA.

BAYARAN TERSEBUT HANYA AKAN DIBAYAR KEPADA MEREKA YANG MENJALANKAN KERJA—KERJA PENYELENGGARAAN SEPERTI MEMBERSIHKAN SUNGAI—SUNGAI, TALIAIR—TALIAIR, PARIT—PARIT, JALAN—JALAN DAN SEBAGAINYA.

WALAU PUN PEMBATALAN TANAMAN PADI MUSIM PERTAMA TAHUN INI AKAN MENYEBABKAN KERUGIAN SEBANYAK KIRA—KIRA \$169 JUTA NILAI HARGA PADI TETAPI KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGGANTIKAN KERUGIAN SEBANYAK ITU.

TEGASNYA, KERAJAAN HANYA MEMBAYAI KERUGIAN ALA KEDAR SAHAJA DAN TIDAKLAH SELURUH HARGA PADI AKAN DIGANTIKAN OLEH KERAJAAN. —

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG MELAKUKAN LAWATAN RASMI SELAMA DUA HARI KE NEBERI KEDAH UNTUK MENINJAU KEADAAN KEMARU KEMUDIAN TELAH MELIBAT KAWASAN—KAWASAN YANG TERLIBAT DAN KEADAAN AIR DI AMPANGAN MUDA DARI UDARA.

BELIAU BERLEPAS KE KUALA LUMPUR PETANG INI JUGA.

—BERNAMA BP 1900/MM